

16/02/2001

Tiada 'perangkap' dalam perbincangan perpaduan Melayu

Jaafar Abdul Rahim

PERTEMUAN Umno-Pas yang dijadualkan Isnin ini adalah satu pertemuan politik cukup bersejarah yang dinanti-nantikan oleh seluruh masyarakat yang cintakan perpaduan Melayu.

Seperti yang diumumkan, pertemuan itu akan disertai presiden kedua-dua parti selain enam wakil yang berkonsepkan bersemuka dan terbuka. Pertemuan peringkat tertinggi ini difahamkan akan membincangkan 'apa sahaja perkara dan tajuk' yang berkaitan dengan soal penyatuan Melayu.

Ia adalah susulan kepada perbincangan pertama teknikal Umno-Pas pada 8 Februari lalu yang diketuai oleh Setiausaha Agung kedua-dua parti, Tan Sri Khalil Yaakob dan Nasharudin Mat Isa.

Pertemuan pemimpin tertinggi ini dikatakan bersejarah kerana akan membincangkan perpaduan Melayu - soal yang pada sesetengah pihak tidak perlu ditimbulkan.

Malah, bagi Parti Keadilan Nasional (Keadilan), perpecahan Melayu tidak pernah terjadi. Yang ada ialah ada orang Melayu yang menyebelahi parti pembangkang.

Keadilan menolak untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu kerana baginya, tidak timbul soal perpecahan Melayu. Lagipun, Keadilan menganggap ia parti pelbagai kaum.

Nyatalah kenyataan Keadilan hanya suatu cara untuk melepaskan diri yang kononnya mahu 'diperangkap' oleh Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi oleh Umno.

Dalam soal penyatuan Melayu, tiada siapa yang memerangkap sesiapa. Sebaliknya, soal penyatuan Melayu yang akan dibincangkan di antara Umno dan Pas mengatasi soal perangkap yang ditakuti oleh Keadilan. Penyatuan Melayu mengatasi segala-galanya. Soal ini menjamin kelangsungan hidup Melayu, sekali gus menjamin kelangsungan hidup negara.

Keadilan harus belajar sesuatu daripada keikhlasan kedua-dua parti untuk berbincang. Umno menghulurkan tangan tanda menjalin persahabatan. Pas pula menyambutnya sebagai suatu tanda ukhuwah yang cukup mendalam.

Tanda-tanda ini sudah dirasakan apabila Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertemu Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, dalam satu upacara penting di Alor Star, bulan lalu.

Pertemuan kedua-dua pemimpin ini mendapat liputan luas media yang menunjukkan tanda pertemuan mereka berdua akan menjadi kenyataan juga akhirnya.

Sebaliknya, Keadilan semacam menepis huluran tangan Umno yang ikhlas itu. Sementara kita meminta Keadilan memikirkan semasak-masaknya penyertaan mereka dalam pertemuan selanjutnya, buat masa ini ketiadaan Keadilan tidak pernah menjejaskan perbincangan.

Dalam jangka panjang, Keadilan akan berasa kerugian dalam konteks mereka akan dipinggirkan oleh orang Melayu sendiri. Keadilan, dalam konteks penyatuan Melayu, akan menjadi melukut di tepi gantang.

Sebaliknya, Pas yang sekian lama menjadi seteru, menyambut pelawaan Umno untuk berbincang. Sikap seperti ini, bagi sesetengah pihak, tidak pernah termimpikan. Malah, bagi kalangan yang suka melihat perpecahan Melayu, sikap ini sesuatu yang mustahil.

Bagi mereka, mana mungkin kedua-dua parti yang cukup kuat bertentangan akan akhirnya duduk semeja berunding. Namun, secara asasnya, kedua-duanya bersaudara erat. Selama ini kepentingan politik dan ideologi yang memisahkan mereka.

Seperti suami isteri yang baru berbaik-baik selepas bertengkar, perdamaian akhirnya sesuatu yang cukup manis dan cukup romantis.

Demikian juga halnya Umno dan Pas. Setelah sekian lama berbeza berpendirian serta berumah lain, soal tinggal serumah dalam konteks penyatuan Melayu bukan suatu hal yang mustahil. Saling membetulkan yang salah, hal inilah yang dinamakan ukhuwah yang sebenar.

Sambil kita mengakui pertemuan 19 Februari ini cukup bersejarah, hendaknya jangan kita lupa peristiwa bersejarah yang jauh lebih awal.

Peristiwa penubuhan kerajaan campuran Perikatan dengan Pas pada 1 Januari 1973 adalah peristiwa bersejarah bagi perpaduan Melayu pada awalnya.

Memetik kata-kata Yang Dipertua Pas ketika itu, Datuk Mohd Asri Muda: "Sebelum berlaku kerjasama antara Pas dengan Umno (Perikatan) yang bermula pada 1 Januari 1973, usaha telah pun dilakukan oleh kedua-dua pihak untuk menukar ragam politik yang penuh dengan onak dan duri, namun demikian masih ada lowongan yang boleh tembusi. Sesudah melihat suasana negara dan sekitarnya ketika itu sedang menghadapi keadaan yang membimbangkan, maka timbul banyak pertanyaan, apakah parti-parti Melayu tidak mungkin mewujudkan kerjasama yang lebih bermakna? Malah, ada yang mengeluh sampai bila suasana bertegang leher antara Umno dan Pas dapat diredakan, malah diberhentikan." (lihat Memoir Politik Asri: Meniti Arus, Penerbit UKM, Bangi, 1993, halaman 88)

Begitulah dengan diplomasi dan keramahan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak, Asri dapat dijemput untuk menubuhkan kerajaan campuran Umno-Pas pada 28 Disember 1972.

Persetujuan Umno-Pas berasaskan 13 syarat:

- * Sebuah kementerian akan diberi kepada Pas, iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas yang akan bertanggungjawab dalam hal-ehwal tanah, pembukaan dan kemajuannya, dan juga perkara lain yang akan ditentukan oleh Perdana Menteri dari satu masa ke satu masa;

- * Menteri berkenaan akan dilantik dengan persetujuan raja-raja menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia;

- * Jawatan-jawatan timbalan menteri, setiausaha Parlimen, setiausaha politik dan sebagainya boleh dipenuhi setelah menteri berkenaan berunding dan mendapat persetujuan Perdana Menteri;

- * Perdana Menteri akan menimbang calon-calon yang ditunjuk oleh Pas bagi menjadi anggota Dewan Negara apabila ada kekosongan;

- * Perdana Menteri akan menimbang pemimpin-pemimpin Pas yang layak untuk menyertai rombongan rasmi ke luar negara dan juga jawatan perkhidmatan di luar negara yang difikirkan sesuai, perlu dan munasabah;

- * Kerajaan akan menimbang mana-mana ahli Pas yang difikirkan sesuai untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa, lembaga dan perbadanan bagi pertimbangan Perdana Menteri. Begitulah juga sebaliknya di Kelantan, ahli dan pemimpin Perikatan akan diberi pertimbangan yang sama oleh Kerajaan Kelantan untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa, lembaga dan perbadanan dalam negeri itu;

- * Dua ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari parti Perikatan yang ditunjuk oleh partinya akan dilantik menjadi ahli exco negeri;

- * Dua ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dan Terengganu dari parti Pas di tiap-tiap negeri itu yang ditunjuk oleh partinya akan dilantik menjadi ahli-ahli exco negeri masing-masing;

- * Selama kerajaan campuran Perikatan-Pas ini wujud, tiada sebarang pertandingan antara Pas dan Perikatan dalam pilihan raya kecil di dalam kawasanya masing-masing kecuali kawasan di mana telah dimenangi oleh parti lain, maka perundingan hendaklah diadakan terlebih dulu;

- * Begitu juga kawasan pilihan raya yang dimenangi oleh Pas dalam pilihan raya umum 1969 yang kemudiannya ahli-ahli yang berhormat berkenaan

terhenti daripada menjadi ahli Pas, maka sekiranya berlaku pilihan raya kecil dalam kawasan yang berkenaan, maka satu perundingan hendaklah diadakan. Jika sebarang persetujuan tidak tercapai maka pertandingan seperti biasa bolehlah diadakan;

* Hendaklah tiada sebarang ikatan atau perjanjian untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan datang. Segala sesuatu akan dibincangkan kelak apabila tiba waktunya;

* Kebebasan anggota Pas dalam Kabinet pusat, exco negeri, Parlimen dan majlis undangan negeri untuk membangkang sebarang cadangan atau undang-undang yang berlawanan dengan Islam hendaklah terjamin; dan

* Sebuah jawatankuasa penyelarasa hendaklah ditubuhkan dengan anggota-anggotanya terdiri sama banyak antara Pas dengan Perikatan.

Apabila mendapat tahu penubuhan kerajaan campuran, saya cukup gembira. Sebagai anak muda yang menyokong Pas, saya terasa nikmatnya. (see CORRECTION above) Tetapi saya menjadi gembira lagi apabila pada 1 Mac 1973, saya ditukarkan daripada Pejabat Pendaftar Perniagaan untuk berkhidmat di Kementerian Kemajuan Tanah (KKT) yang ditubuhkan pada 1 Januari 1973 sempena dengan tertubuhnya kerajaan campuran.

Asri dilantik menjadi Menteri Kemajuan Tanah dengan 23 kakitangan. Kami adalah staf peneroka di KKT. Ketika itu, Asri yang tiada timbalan, dibantu oleh Setiausaha Politik, Wan Ahmad Ismail; Setiausaha Parlimen, Mohamad Ujang; Setiausaha Sulit, Mohd Nor Ibrahim, dan Hadzrami Abdul Rahman (Hadzrami A.R, wartawan Berita Harian dan penyair) sebagai Setiausaha Akhbar.

Datuk Harun Ariffin adalah Ketua Setiausaha KKT. Beliau dibantu dua Timbalan Ketua Setiausaha I, Ghazali Datuk Mahmood, dan Timbalan Ketua Setiausaha II, Kamaruzzaman Abd Halim.

Terdapat seorang ketua Penolong Setiausaha, Mohd Salleh Mohd Ali, dengan empat Penolong Setiausaha, Idris Yahaya, Cik Teoh, Hassan Abdullah dan Hassan Ali (kini Datuk Dr Hassan Ali, wakil rakyat Pas).

Bekerja dengan KKT yang diketuai oleh Yang Dipertua Pas ini mendatangkan pengalaman yang cukup manis.

KKT pada masa itu mempunyai empat jabatan di bawahnya, iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP atau kemudiannya Felda), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Felcra), Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara dan Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan.

Antara tugas harian kami ialah menjadi penyelarasa permohonan bakal peneroka untuk memasuki rancangan Felda, menguruskan hal-hal yang berhubungan dengan Felcra, Jabatan Ukur serta Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan.

Di KKT, kerap diadakan mesyuarat dengan menteri lain. Sesuatu yang saya kagumi ialah kekerapan Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, bertemu dengan Asri untuk berbincang hal pentadbiran KKT.

Tun Dr Ismail kelihatan berwajah garang tetapi mudah tersenyum dengan sesiapa sahaja yang bertemu beliau ketika datang bermesyuarat di KKT yang terletak di tingkat 13, Bangunan Pejabat Kerajaan di Jalan Gurney (kini Jalan Semarak), Kuala Lumpur.

Ketika di KKT, Asri cukup mesra dengan kakitangannya. Saya banyak belajar daripada Asri terhadap cara beliau mentadbir KKT, tegasnya cara Yang Dipertua Pas itu mentadbir kementerian yang diwujudkan sempena penubuhan kerajaan campuran Umno-Pas.

Cerita ini sekadar kenangan peribadi saya yang berpeluang berkhidmat di bawah menteri yang juga Yang Dipertua Pas. Kenangan ini yang membawa saya berfikir tentang dua hal.

Hal pertama mengenai kejayaannya perpaduan Melayu atas hasil usaha kedua-dua presiden parti ketika itu.

Hal yang kedua ialah penubuhan kerajaan campuran buat kali keduanya yang

mungkin boleh difikirkan oleh Dr Mahathir dan Fadzil.

Namakan apa saja kerajaan campuran ini asalkan Umno dapat bergabung semula dengan Pas seperti yang berlaku pada 1 Januari 1973. Sebuah kementerian boleh diwujudkan dengan Fadzil menjadi menteri.

Pelantikan seperti ini pernah berlaku sebagai hasil daripada kerajaan campuran pada 1 Januari 1973. Dengan diplomasinya yang cukup mendalam, Tun Abdul Razak berhasil menyatukan Umno-Pas di bawah satu bumbung.

Begitulah jika langkah pertama penyatuan Melayu ini berjaya, langkah kedua untuk memastikan penyatuan Melayu menjadi jauh lebih mantap ialah melalui penubuhan kerajaan campuran ini.

Akan tetapi perlulah dicari suatu formula yang lebih mantap tentang keutuhan kerajaan campuran ini. Formula ini mulanya tiada dalam kerajaan campuran Umno-Pas 1973. Formula ini sangat perlu demi memastikan kerajaan campuran Umno-Pas kekal, tidak seperti kerajaan campuran sebelumnya yang berkecai di tengah jalan.

Jika kedua-dua langkah yang dilakukan secara bertahap dan diplomatik ini dapat dilaksanakan, maka soal penyatuan Melayu yang pada sesetengah pihak masih utopia, akan tetap menjadi kenyataan.

Biarlah formula penyatuan Melayu yang bermula daripada unsur penyatuan Melayu dan penubuhan kerajaan campuran dapat menjadikan kedua-dua parti ini memperoleh kedudukan menang-menang.

Pihak akar umbi kedua-dua parti tidak perlu gusar akan kehilangan pengaruh. Yang ada ialah pengaruh yang lebih besar dan kuat.

Pada saya, penyatuan politik menjadi faktor yang cukup penting terhadap penyatuan Melayu. Segala-galanya tidak akan mustahil melalui politik.

Jika Dr Mahathir dan Fadzil mahu bersatu, tidak akan ada apa-apa hal lagi yang mustahil terhadap penyatuan Melayu.

Marilah sama-sama kita berdoa agar perbincangan Isnin ini membawa kepada perpaduan Melayu. Sampan sama di air, pengayuh sama di tangan, berkayuhlah kita ke suatu destinasi yang jelas - penyatuan Melayu!